



KHN.0042 Jld 2  
31 Mei 2021

YA Hakim-Hakim  
Mahkamah Persekutuan

YA Hakim-Hakim  
Mahkamah Rayuan

YA Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi  
Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen  
Mahkamah Sesyen  
Seluruh Malaysia

Majistret  
Mahkamah Majistret  
Seluruh Malaysia

Pegawai Khas/ Pegawai Penyelidik/ Timbalan Pendaftar/  
Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan/Mahkamah Rayuan/  
Mahkamah Tinggi/ Mahkamah Rendah Seluruh Malaysia

**ARAHAN KETUA HAKIM NEGARA  
BILANGAN 8 TAHUN 2021  
Pengecualian terhadap Pemakaian Peruntukan  
Undang-Undang Berhubung dengan Urusan Mahkamah  
di Seluruh Malaysia**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16A Akta  
Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91], subseksyen 17(8) Akta 91,

seksyen 3A Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] dan subseksyen 3(7) Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955 [Akta 55] yang diubah suai melalui Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 [Akta 829], demi kepentingan pelaksanaan keadilan, kesejahteraan awam, keselamatan awam, kesihatan atau kesusilaan awam, saya mengeluarkan Arahan ini bagi memperuntukkan pengecualian terhadap pemakaian peruntukan undang-undang berhubung dengan urusan Mahkamah di seluruh Malaysia seperti yang berikut:

## **PEMAKAIAN**

2. Arahan ini hendaklah terpakai sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama dan bagi apa-apa tempoh pelaksanaan PKP fasa selanjutnya yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

## **TAFSIRAN**

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "Mahkamah" ertinya Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret di seluruh Malaysia.

## **PENGECUALIAN TERHADAP PEMAKAIAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERHUBUNG DENGAN URUSAN MAHKAMAH**

### **A. Pengecualian Terhadap Pematuhan Kehendak Tempoh Masa**

4. Pihak-pihak adalah dikecualikan daripada mematuhi kehendak tempoh masa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang berhubung dengan urusan Mahkamah di seluruh Malaysia dan bagi maksud ini, pihak-pihak tidak perlu memohon bagi mendapatkan perintah untuk penganjuran masa daripada Mahkamah.

5. Pengecualian daripada pematuhan kehendak tempoh masa adalah merangkumi hal perkara yang berikut:

- (a) pemfailan kertas kausa;
- (b) pemfailan notis rayuan;
- (c) penyerahan kertas kausa dan dokumen Mahkamah;
- (d) pelaksanaan perintah Mahkamah;
- (e) penyerahan notis rayuan dan rekod rayuan secara fizikal daripada Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan; dan



- (f) apa-apa hal perkara lain berhubung dengan urusan Mahkamah yang ditetapkan oleh Mahkamah dari semasa ke semasa.

6. Bagi maksud perenggan 4 dan 5 di atas, pihak-pihak hendaklah menyempurnakan pematuhan kehendak tempoh masa dalam tempoh empat belas (14) hari selepas—

- (a) tamatnya tempoh PKP; atau
- (b) apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan yang membenarkan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan untuk beroperasi dalam tempoh PKP.

## **B. Penyempurnaan Afidavit Bagi Kes Perakuan Segera Atau Permohonan Segera**

7. Bagi apa-apa kes perakuan segera atau permohonan segera, pihak-pihak bolehlah memfailkan afidavit yang belum disempurnakan dengan aku janji untuk menyempurnakan afidavit tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari selepas—

- (a) tamatnya tempoh PKP; atau
- (b) apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan yang membenarkan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan untuk beroperasi dalam tempoh PKP.

### **C. Pengecualian Pengemukakan Dokumen Asal Dalam Prosiding Yang Dijalankan Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh**

8. Bagi apa-apa prosiding yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh yang memerlukan pengemukakan dokumen asal secara fizikal, Mahkamah boleh mengarahkan pihak-pihak untuk mengemukakan dokumen asal tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari selepas—

- (a) tamatnya tempoh PKP; atau
- (b) apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan yang membenarkan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan untuk beroperasi dalam tempoh PKP.

### **SEKATAN DALAM MEMBUAT BANTAHAN TERHADAP KETIDAKPATUHAN TATACARA**

9. Bagi maksud pemakaian Arahan ini, pihak-pihak tidak boleh membangkitkan apa-apa bantahan mengenai ketidakpatuhan dari segi tatacara berhubung dengan—

- (a) kehendak pematuhan tempoh masa; dan
- (b) kehendak penyempurnaan pemfailan affidavit.

## TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

10. Arahan ini mula berkuat kuasa pada **1 Jun 2021**.



**TUN TENGGU MAIMUN BINTI TUAN MAT**

Ketua Hakim Negara  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

### **SALINAN KEPADA:**

YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara Malaysia  
No. 45, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Kota Kinabalu  
Sabah

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Yang Dipertua  
Majlis Peguam Malaysia  
Kuala Lumpur

Presiden  
*Sabah Law Society*  
Sabah

Presiden  
*Advocate Association of Sarawak*  
Sarawak